



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

NOTIS KEPUTUSAN TAWARAN SEBUT HARGA SKRAP / TIDAK BOLEH DIDAFTAR KENDERAAN LUCUT HAK KASTAM BIL. 1/2025 NEGERI KELANTAN

1. Jawatankuasa Sebut Harga Negeri Kelantan telah bersidang untuk membuat penilaian dan keputusan kepada Sebut Harga Skrap / Tidak Boleh Didaftar Kenderaan Lucut Hak Kastam Bil. 1/2025 Negeri Kelantan. Tujuan mesyuarat adalah seperti berikut:
 - a. Memutuskan penyebut harga-penyeput harga yang berjaya; dan
 - b. Menentukan kedudukan ke atas lot-lot kenderaan yang tidak mendapat sebarang tawaran.
2. Perakuan dan keputusan bagi penyebut harga-penyeput harga yang berjaya adalah seperti di **Lampiran A**.
3. Syarat-syarat tawaran kepada penyebut harga-penyeput harga yang berjaya adalah seperti berikut:
 - a. Penyeput harga yang berjaya dikehendaki membuat pembayaran sepenuhnya dalam tempoh 7 (tujuh) hari bermula dari tarikh notis pemakluman berjaya dalam tawaran untuk Sebut Harga Skrap / Tidak Boleh Didaftar Kenderaan Lucut Hak Kastam Bil. 1/2025 yang dikeluarkan oleh JKDM Negeri Kelantan.
 - b. Deposit sebut harga tidak akan dikembalikan jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran sepenuhnya atau

- menarik semula tawarannya dalam tempoh yang telah ditetapkan;
- c. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga pertama berjaya, kedua berjaya dan ketiga berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan. Seterusnya, jika penyebut harga kedua berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga ketiga berjaya;
 - d. Bagi lot-lot yang terdapat penyebut harga berjaya pertama dan kedua berjaya, lot tersebut hendaklah ditawarkan kepada penyebut harga kedua berjaya jika penyebut harga pertama berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan;
 - e. Bagi lot-lot yang terdapat satu penyebut harga berjaya sahaja, lot-lot kenderaan berkenaan hendaklah disebut harga semula jika penyebut harga yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh atau menarik semula tawaran dalam tempoh yang ditetapkan.
 - f. Kenderaan yang ditawarkan hendaklah diambil dan dikeluarkan dari stor / kawasan Kastam tidak lewat 7 (tujuh) hari daripada tarikh pembayaran penuh dijelaskan; dan
 - g. Penyebut harga yang berjaya tidak dibenarkan membuat kerja-kerja servis atau pembaikan kenderaan berkenaan di dalam stor / kawasan Kastam.

Sekian, terima kasih.



(ALADI BIN RIPING@ARIFIN)
Timbalan Pengarah Kastam Negeri
Penguatkuasaan & Pematuhan
Kelantan